



PUBLIC BANK BERHAD

(6463-H)

(Diperbadankan di Malaysia)

NOTIS MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA

MANAKALA pada satu Mesyuarat Agung Luar Biasa Public Bank Berhad ("PBB" atau "Bank") yang diadakan pada hari Selasa, 17 Jun 1997 pada pukul 11.05 pagi, para pemegang saham Bank, antara lain, meluluskan:-

- Resolusi Biasa 2 ("Terbitan Bonus PBB") berhubung dengan cadangan untuk mempermodalkan sejumlah sehingga RM166,375,880 daripada Akaun Premium Saham Bank dan menggunakan jumlah tersebut untuk menerbitkan pada tara sehingga 332,751,760 saham biasa baru bernilai RM0.50 setiap satu dalam PBB ("Saham-saham Terbitan Bonus") yang akan dikreditkan sebagai dibayar penuh, saham-saham sedemikian akan diumpukkan dan diagihkan kepada para pemegang saham Bank yang nama mereka tercatat dalam Daftar Ahli atau Rekod Pendeposit pada tarikh dan masa kelayakan hak sedemikian yang akan ditentukan oleh Lembaga Pengarah berasaskan satu (1) saham biasa baru bernilai RM0.50 setiap satu bagi setiap lima (5) saham biasa sedia ada bernilai RM0.50 setiap satu yang dipegang oleh para pemegang saham sedemikian; Saham-saham Terbitan Bonus tidak akan berhak kepada Terbitan Hak PBB dalam Resolusi Biasa 3 di bawah ini;
- Resolusi Biasa 3 ("Terbitan Hak PBB") berhubung dengan cadangan pengumpulan sementara melalui terbitan hak sehingga 332,751,760 saham biasa baru bernilai RM0.50 setiap satu dalam PBB ("Saham-saham Terbitan Hak") pada harga terbitan RM2.20 sesaham bagi saham-saham yang akan diterbitkan dan disebut harga sebagai "Tempatan" di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur ("BSKL") ("Saham-saham Tempatan") dan sehingga RM3.30 sesaham bagi saham-saham yang akan diterbitkan dan disebut harga sebagai "Asing" di Papan Utama BSKL ("Saham-saham Asing"), harga sebenarnya akan ditentukan pada suatu tarikh kemudian (dalam tempoh antara kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti dan tarikh penutupan buku) pada diskaun daripada harga teoretikal selepas terbitan bonus dan hak berdasarkan lima (5) hari harga pasaran purata berlawanan Saham-saham Asing sebelum tarikh penetapan harga ("Tarikh Penetapan Harga"), diskaunnya adalah pada peratusan yang sama dengan harga Terbitan Hak PBB bagi Saham-saham Tempatan pada harga RM2.20 sesaham daripada harga teoretikal selepas terbitan bonus dan hak berdasarkan lima (5) hari harga pasaran purata berlawanan Saham-saham Tempatan sebelum Tarikh Penetapan Harga, tertakluk bagaimanapun kepada harga maksimum sebanyak RM3.30 sesaham dan hendaklah tidak kurang daripada harga Terbitan Hak PBB untuk saham-saham yang akan diterbitkan sebagai Saham-saham Tempatan dan yang akan dibayar penuh apabila diterima dan saham-saham sedemikian akan diumpukkan sementara kepada para pemegang saham Bank yang nama mereka tercatat dalam Daftar Ahli atau Rekod Pendeposit pada tarikh dan masa kelayakan hak sedemikian yang akan ditentukan oleh Lembaga Pengarah berasaskan satu (1) saham biasa baru bernilai RM0.50 setiap satu bagi setiap lima (5) saham biasa sedia ada bernilai RM0.50 setiap satu yang dipegang oleh para pemegang saham sedemikian; Saham-saham Terbitan Hak tidak akan berhak kepada Terbitan Bonus PBB dalam Resolusi 2 di atas; dan
- Resolusi Biasa 2 mengenai Terbitan Bonus PBB dan Resolusi Biasa 3 mengenai Terbitan Hak PBB adalah saling bersyarat.

DAN MANAKALA memandangkan sentimen pasaran yang terus lembap dan kejatuhan banyak harga saham-saham PBB dalam beberapa bulan kebelakangan ini, dan atas nasihat Amanah Merchant Bank Berhad, adalah dianggap perlu bahawa harga-harga terbitan hak bagi Saham-saham Tempatan dan Saham-saham Asing berhubung dengan Terbitan Hak PBB disemak, untuk mencerminkan prestasi harga saham-saham PBB pada masa ini, dan seterusnya untuk membolehkan pelaksanaan Terbitan Bonus PBB dan Terbitan Hak PBB diteruskan.

DAN MANAKALA Bank kini meminta kelulusan para pemegang sahamnya untuk menyemak harga-harga terbitan hak bagi Terbitan Hak PBB untuk Saham-saham Tempatan dan Saham-saham Asing dengan cara yang dinyatakan dalam resolusi-resolusi yang dicadangkan di bawah ini.

Menurut yang tersebut sebelumnya, DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA satu Mesyuarat Agung Luar Biasa PBB akan diadakan di Grand Ballroom, Tingkat 10, Crown Princess Inter-Continental Hotel, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur pada hari Selasa, 25 November 1997 pada pukul 10.00 pagi untuk menimbang, dan jika difikir patut, meluluskan resolusi-resolusi biasa berikut:

RESOLUSI BIASA 1

CADANGAN PENYEMAKAN HARGA-HARGA TERBITAN HAK BAGI TERBITAN HAK SEHINGGA 332,712,616 SAHAM BIASA BARU BERNILAI RM0.50 SETIAP SATU DALAM PUBLIC BANK BERHAD DARIPADA HARGA TERBITAN SEBANYAK RM2.20 SESAHAM KEPADA RM1.28 SESAHAM BAGI SAHAM-SAHAM YANG AKAN DITERBIT DAN DISEBUT HARGA SEBAGAI "TEMPATAN" DI PAPAN UTAMA BURSA SAHAM KUALA LUMPUR ("BSKL") DAN DARIPADA SEHINGGA RM3.30 SESAHAM KEPADA HARGA TERBITAN YANG AKAN DITENTUKAN OLEH PARA PENGARAH PADA DISKAUN YANG SAMA DARIPADA HARGA TEORETIKAL SELEPAS TERBITAN BONUS DAN HAK YANG MANA RM1.28 MEWAKILI HARGA TEORETIKAL SELEPAS TERBITAN BONUS DAN HAK BAGI SAHAM-SAHAM TEMPATAN DAN WALAU BAGAIMANAPUN HENDAKLAH TIDAK RENDAH DARIPADA RM1.28 SESAHAM BAGI SAHAM-SAHAM YANG AKAN DITERBIT DAN DISEBUT HARGA SEBAGAI "ASING" DI PAPAN UTAMA BSKL BERASASKAN SATU (1) SAHAM BIASA BARU BERNILAI RM0.50 SETIAP SATU BAGI SETIAP LIMA (5) SAHAM BIASA SEDIA ADA BERNILAI RM0.50 SETIAP SATU YANG DIPEGANG ("TERBITAN HAK PBB PADA HARGA-HARGA TERBITAN YANG DISEMAK")

"BAHAWA tertakluk kepada kelulusan diperolehi daripada Suruhanjaya Sekuriti, dan BSKL untuk penyenaian dan sebut harga bagi semua saham biasa baru bernilai RM0.50 setiap satu yang akan diterbitkan, Lembaga Pengarah adalah dengan ini diberi kuasa untuk mengumpukkan sementara melalui terbitan hak sehingga 332,712,616 saham biasa baru bernilai RM0.50 setiap satu ("Saham Terbitan Hak") pada harga terbitan yang disemak sebanyak RM1.28 sesaham untuk saham-saham yang akan diterbitkan dan disebut harga sebagai "Tempatan" di Papan Utama BSKL ("Saham-saham Tempatan") dan untuk saham-saham yang akan diterbitkan dan disebut harga sebagai "Asing" di Papan Utama BSKL ("Saham-saham Asing") pada harga terbitan yang disemak yang akan ditentukan pada satu tarikh yang akan ditetapkan oleh para Pengarah di antara tempoh dari tarikh kelulusan oleh Suruhanjaya Sekuriti bagi harga terbitan hak yang disemak dan tarikh akhir saham-saham PBB dengan hak diniagakan di BSKL ("Tarikh Penetapan Harga") pada diskaun daripada harga teoretikal selepas terbitan bonus dan hak berdasarkan lima (5) hari harga pasaran purata berlawanan Saham-saham Asing sebelum Tarikh Penetapan Harga, diskaunnya hendaklah pada peratusan yang sama dengan harga terbitan hak bagi Saham-saham Tempatan sebanyak RM1.28 sesaham daripada harga teoretikal selepas terbitan bonus dan hak berdasarkan lima (5) hari harga pasaran purata berlawanan Saham-saham Tempatan sebelum Tarikh Penetapan Harga, dan walau bagaimanapun hendaklah tidak rendah daripada RM1.28 sesaham; dibayar penuh apabila diterima dan saham-saham sedemikian akan diumpukkan sementara kepada para pemegang saham Bank yang nama mereka tercatat dalam Daftar Ahli atau Rekod Pendeposit pada tarikh dan masa kelayakan hak sedemikian yang akan ditentukan oleh Lembaga Pengarah berasaskan satu (1) saham biasa baru bernilai RM0.50 setiap satu bagi setiap lima (5) saham biasa sedia ada bernilai RM0.50 setiap satu yang dipegang oleh para pemegang saham sedemikian sebelum Terbitan Bonus sehingga 332,712,616 saham biasa baru bernilai RM0.50 setiap satu dalam Bank ("Terbitan Bonus PBB"), pecahan saham akan diuruskan oleh Lembaga Pengarah dengan cara yang mereka anggap patut, dan bahawa Saham-saham Terbitan Hak tersebut hendaklah, apabila diterbitkan dan diumpukkan, bertaraf pari passu dalam semua hal dengan saham-saham biasa sedia ada bernilai RM0.50 setiap satu dalam Bank, kecuali bahawa saham-saham tersebut tidak akan berhak kepada Terbitan Bonus PBB sebagaimana yang diluluskan oleh para pemegang saham di Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 17 Jun 1997, dan kepada sebarang dividen, hak, pengumpulan dan/atau pengagihan lain, yang tarikh kelayakan haknya ialah sebelum tarikh pengumpulan Saham-saham Terbitan Hak tersebut dan bahawa Lembaga Pengarah adalah dengan ini diberi kuasa untuk memeterai sebarang Perjanjian Pengunderaitan bagi pengunderaitan Saham-saham Terbitan Hak tersebut dengan pihak-pihak sedemikian dan dengan terma dan syarat yang Lembaga Pengarah akan putuskan dan bahawa Lembaga Pengarah adalah dengan ini diberi kuasa untuk mempersetujui sebarang syarat, pengubahsuaian, variasi dan/atau pindaan sebagaimana yang mungkin dikehendaki atau dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan dan untuk mengambil semua langkah yang ia anggap perlu atau suai-manfaat untuk melaksanakan, menyelesaikan dan menyempurnakan sepenuhnya Terbitan Hak PBB pada Harga-harga Terbitan yang Disemak."

RESOLUSI BIASA 2

CADANGAN MEMBERI KUASA KEPADA LEMBAGA PENGARAH UNTUK MENYEMAK SELANJUTNYA HARGA-HARGA TERBITAN YANG DISEMAK BAGI SAHAM-SAHAM TEMPATAN DAN SAHAM-SAHAM ASING BERHUBUNG DENGAN TERBITAN HAK PBB PADA HARGA-HARGA TERBITAN YANG DISEMAK

"BAHAWA Lembaga Pengarah adalah dengan ini diberi kuasa untuk menyemak selanjutnya harga-harga terbitan hak yang disemak bagi Saham-saham Tempatan dan Saham-saham Asing sebagaimana yang dicadangkan dalam Resolusi Biasa 1 di atas, tertakluk sentiasa bahawa sebarang penyemakan selanjutnya dalam harga-harga terbitan hak oleh Lembaga Pengarah hendaklah pada diskaun tidak lebih daripada tiga puluh peratus (30%) daripada harga-harga teoretikal selepas terbitan bonus dan hak berdasarkan lima (5) hari harga-harga pasaran purata berlawanan sebelum tarikh penentuan penyemakan selanjutnya harga-harga terbitan hak, dan walau bagaimanapun, penyemakan selanjutnya harga terbitan hak yang disemak bagi Saham-saham Asing hendaklah tidak rendah daripada harga terbitan hak bagi Saham-saham Tempatan sebagaimana mungkin disemak selanjutnya oleh para Pengarah."

RESOLUSI BIASA 3

CADANGAN MEMBERI OPSYEN KEPADA YBHG DATO' TAY AH LEK MENURUT SKIM OPSYEN SAHAM PEKERJA PBB ("ESOS")

"BAHAWA, tertakluk kepada kelulusan daripada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan, Jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga Pengarah Bank untuk mentadbir ESOS PBB dengan ini diberi kuasa untuk menawar dan memberi kepada YBhg Dato' Tay Ah Lek, sebagai Pengarah Eksekutif PBB, opsyen untuk melanggan sejumlah saham biasa baru bernilai RM0.50 setiap satu dalam PBB sehingga maksimum 450,000 saham biasa baru bernilai RM0.50 setiap satu dalam PBB di bawah ESOS PBB tertakluk sentiasa kepada terma dan syarat sedemikian dan/atau sebarang pelarasan yang mungkin dibuat menurut peruntukan Undang-undang Kecil ESOS PBB."

DENGAN PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

CHIA LEE KEE

Setiausaha Syarikat

(No. MAICSA 7008270)

Kuala Lumpur

10 November 1997

NOTA:

- Hak Orang Asing untuk mengundi berhubung dengan sekuriti yang didepositkan oleh mereka adalah tertakluk kepada Seksyen 41(1)(e) dan Seksyen 41(2) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat), 1991 dan Peraturan-peraturan Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pemunyaan Asing), 1996. Kedudukan Pendeposit sedemikian dalam hal ini akan ditentukan berdasarkan kepada Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung. Pendeposit sedemikian yang sahamnya melebihi had pemegang saham asing Syarikat sebanyak 30% pada tarikh Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung boleh menghadiri Mesyuarat di atas tetapi tidak berhak untuk mengundi. Oleh itu, proksi yang dilantik oleh Pendeposit sedemikian yang tidak berhak untuk mengundi juga tidak berhak untuk mengundi di Mesyuarat di atas.
- Seorang ahli yang berhak hadir dan mengundi di mesyuarat di atas boleh melantik seorang proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya dan proksi itu tidak semestinya ahli Syarikat. Suratacara untuk melantik proksi sedemikian mestilah diserahkan ke Pejabat Berdaftar Syarikat di Tingkat 27, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, tidak kurang daripada 48 jam sebelum Mesyuarat tersebut.